

# MEMO

Kepada : SEMUA SISWA/I UNISEL (PRASISWAZAH)  
No. Rujukan : UNISEL/HEP20/203-BJ(01)  
Tarikh : 09 Mac 2020

## PERINGATAN PEMANTAUAN AKTIVITI MAHASISWA BUDIMAN BERKAITAN WABAK COVID 19

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa semua Pelajar UNISEL pada ketika ini telah berada di kampung halaman masing-masing memandangkan peperiksaan akhir semester telahpun berakhir. Namun, Pihak HEP UNISEL sentiasa memantau situasi berkaitan wabak berkenaan yang sedang menular di seluruh dunia termasuk setakat ini terdapat 99 kes di Malaysia. Justeru itu, pihak HEP UNISEL ingin menarik perhatian pelajar berkaitan perkara-perkara yang harus dititik beratkan sepanjang cuti semester ini :-

1. Pihak HEP UNISEL tidak menggalakkan aktiviti yang perlu diadakan di luar negara terutama negara-negara berisiko tinggi berkaitan dengan wabak.
2. Untuk urusan aktiviti luar negara yang tidak dapat dielakkan, mohon pihak pelajar mematuhi semua prosedur yang telah ditetapkan terutama oleh pihak berkuasa.
3. Bagi yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan sewaktu cuti semester ini, pihak pelajar diminta dalam kadar segera ke hospital atau pusat kesihatan kerajaan berdekatan kediaman anda.
4. Pihak pelajar diminta sentiasa prihatin dan cakna dengan informasi semasa. Mohon dapatkan infomasi dari saluran rasmi yang sah.
5. Pelajar juga diingatkan agar menjaga kebersihan diri dan sentiasa mematuhi kaedah kawalan penyakit yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.

Segala kerjasama anda amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

### “PENERAJU TRANSFORMASI”

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. MADYA DR. HAMDAN BIN DATO' MOHD SALLEH**  
Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP)

s.k. : Presiden & Naib Canselor